



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1991

PERSARAAN PILIHAN SENDIRI

1. TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan serta peraturan yang telah ditetapkan berhubung dengan persaraan pilihan sendiri bagi pegawai/pekerja perkhidmatan awam pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan apabila mencapai umur 40 tahun.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan telah bersetuju membenarkan semua pegawai dan kakitangan lelaki dan perempuan di dalam perkhidmatan awam dan badan-badan berkanun serta kuasa-kuasa tempatan untuk memilih dan memohon bersara apabila mencapai umur 40 tahun.

3. TATACARA

3.1 Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa setiap permohonan persaraan pilihan sendiri dikemukakan ke Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam, enam (6) bulan sebelum tarikh persaraan yang dipohon. Permohonan berkenaan hendaklah dikemukakan bersama dengan dokumen-dokumen berikut:

- (a) surat permohonan asal daripada pegawai berkenaan menyatakan sebab beliau ingin bersara dan tarikh persaraan yang dipohon;
- (b) surat daripada Ketua Jabatan pegawai berkenaan menyatakan sebab-sebab beliau menyokong atau tidak menyokong permohonan berkenaan;
- (c) surat pengesahan daripada Ketua Jabatan pegawai berkenaan sama ada pegawai berkenaan terlibat atau bebas daripada apa-apa tindakan tatatertib dan atau tindakan mahkamah;
- (d) satu (1) salinan keputusan Pihak Berkuasa Tatatertib Yang Berkenaan ke atas laporan harta (termasuk harta tambahan/ pelupusan, jika ada) yang dibuat oleh pegawai yang berkenaan;
- (e) satu (1) salinan kenyataan perkhidmatan dan cuti pegawai berkenaan yang kemaskini dari tarikh perlantikannya yang pertama sehingga tarikh beliau memohon bersara pilihan sendiri;
- (f) satu (1) salinan kad pengenalan awam pegawai berkenaan atau kad kuasa polis bagi anggota Polis DiRaja Malaysia (depan dan belakang) yang diperakui sah; dan
- (g) Tiga (3) salinan Borang PEN. 15 dan PEN. 16, termasuk Borang Pengakuan Ahli, mengikut [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1983](#).

4. SYARAT-SYARAT

4.1 Setiap permohonan persaraan pilihan sendiri yang diterima oleh Jabatan Perkhidmatan Awam adalah muktamad dan dianggap telah dipertimbangkan oleh pemohon dengan semasak-masaknya. Oleh itu, sebarang permintaan untuk menarik balik permohonan persaraan atau meminda tarikh persaraan tidak akan dilayan.

4.2 Oleh kerana persaraan pilihan sendiri ini adalah satu kemudahan istimewa, kelulusan ini boleh ditarik balik sebelum ianya berkuatkuasa, tanpa diberi apa-apa sebab. Ketua Jabatan adalah diminta mengingatkan setiap pegawai yang telah memohon untuk bersara pilihan sendiri bahawa mereka

adalah masih dalam perkhidmatan sehingga tarikh berkuatkuasanya persaraan pilihan sendiri tersebut.

4.3 Pembayaran Faedah Persaraan

4.3.1 Pembayaran pencen, ganjaran dan lain-lain faedah persaraan kepada mereka yang bersara pilihan sendiri adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:---

- (a) hanya mereka yang telah diberikan taraf berpencen sahaja adalah layak dibayar faedah-faedah persaraan;
- (b) bagi mereka yang sedang berkhidmat, pembayaran akan dibuat apabila mencapai umur 50 tahun bagi seseorang pegawai lelaki, atau apabila mencapai umur 45 tahun bagi:---
 - (i) seseorang pegawai perempuan;
 - (ii) seseorang pegawai perkhidmatan bomba yang berpangkat Pegawai Rendah dan ke bawah;
 - (iii) seseorang pegawai polis yang berpangkat rendah daripada Penolong Penguasa Polis;
 - (iv) seseorang pegawai penjara yang berpangkat rendah daripada Penguasa; dan
 - (v) seseorang jururawat lelaki di hospital mental.
- (c) bagi mereka yang dilantik selepas tarikh berkuatkuasa Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, bayaran faedah-faedah persaraan akan dibuat hanya apabila mencapai umur 55 tahun.

5. PEMAKAIAN

5.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah juga terpakai bagi Badan-Badan Berkanun dan Kuasa-Kuasa Tempatan.

6. PEMBATALAN

6.1 [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1981](#) (Persaraan Secara Pilihan Sendiri) adalah dengan ini dibatalkan.

7. TARIKH KUATKUASA

7.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada 12 April 1991.

8. **AM**

8.1 Sebarang kemusykilan dan keraguan mengenai perlaksanaan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bolehlah dirujuk kepada Bahagian Pencen Jabatan ini.



HAJI ABDUL HALIM BIN ABDUL SALAM,
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

Tarikh: 11 April 1991

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.
Semua Ketua Jabatan Persekutuan,
Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun.
Semua Ketua Pengurusan Kuasa-Kuasa Tempatan.

s. k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.